

**PENDEKATAN ALAT ADAPTASI STEP MODEL SPEKTRUM INKLUSI DALAM  
MENINGKATKAN KEMAHIRAN MOTOR KASAR  
MURID SINDROM DOWN PROGRAM PENDIDIKAN KHAS INTEGRASI  
MASALAH PEMBELAJARAN SEKOLAH RENDAH**

Teng Siew Lian, Balkaran A/L Arumugam, dan Mohd Sabrinordin B. Mohd Yusoff

Jabatan Pendidikan Jasmani dan Kesihatan  
IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur  
teng@ipgkik.edu.my

**Abstrak**

Kanak-kanak sindrom Down (SD) mengalami kelewatan dalam perkembangan kemahiran motor kasar akibat daripada masalah hipotonia, hiperfleksibiliti ligamen, postur yang lemah serta kekurangan perkembangan aspek fisiologi. Keupayaan kemahiran motor kasar kanak-kanak SD tidak berkembang mengikut kronologi kanak-kanak normal. Keadaan ini menjejaskan pergerakan fizikal dan aktiviti harian kanak-kanak SD. Maka guru pendidikan khas perlu menggunakan pendekatan Pdpc bersesuaian dalam mengajar kemahiran motor. Oleh itu kajian ini melihat sejauh manakah aktiviti fizikal yang mengaplikasikan Model Spektrum Inklusi dengan alat adaptasi STEP dapat meningkatkan *Gross Motor Quotients (GMQ)* dalam kalangan murid SD di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) Masalah Pembelajaran (MP). Kajian ini melibatkan empat orang murid SD (2 lelaki dan 2 perempuan) yang berumur antara 7 hingga 10 tahun dari dua buah sekolah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Program intervensi yang terdiri daripada aktiviti lokomotor dan manipulasi alatan telah dilaksanakan selama 2 bulan (8 sesi) dan setiap satu sesi mengambil masa 30 minit. Keputusan kajian mendapati bahawa terdapat peningkatan dalam min GMQ (52.75/160 ke 64.75/160). Keputusan ini menunjukkan alat adaptasi STEP Model Spektrum Inklusi dapat merapatkan jurang kesamaan umur perkembangan motor kasar semua peserta kajian. Walau bagaimanapun, pengkaji mencadangkan untuk melanjutkan tempoh masa intervensi bagi mengoptimalkan kesan peningkatan kemahiran motor kasar.

Kata kunci : Model Spektrum Inklusi, Alat adaptasi STEP, *Gross Motor Quotients (GMQ)*, Sindrom down (SD), Kesamaan umur.